

KESAN KURSUS BAHASA ARAB JANGKA PENDEK LUAR NEGARA MENURUT PERSPEKTIF SOSIOLINGUISTIK

Abdul Razif Bin Zaini
Rosfazila Binti Abd. Rahman
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Tel: 0123106096 Email: abdulrazif@kuis.edu.my

Abstrak

Keberadaan pelajar di negara di mana bahasa Arab itu dipertuturkan merupakan salah satu faktor yang mampu meningkatkan saiz kosa kata mereka. Manakala saiz kosa kata merupakan elemen kukuh yang mampu menentukan tahap kecekapan bahasa pelajar secara keseluruhannya. Ini menjelaskan bahawa pelajar yang pernah berada di negara Arab mempunyai saiz kosa kata yang tinggi sekaligus memberi kesan positif terhadap penguasaan bahasa mereka. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengukur saiz kosa kata yang dimiliki peserta setelah tamat tempoh keberadaan mereka di luar negara, menentukan tahap penguasaan bahasa dalam aspek pertuturan dan menilai keberkesanan program bahasa jangka pendek menurut perspektif sosiolinguistik. Kajian deskriptif ini menggunakan rekabentuk temubual. Satu ujian pengukuran saiz kosa kata (*Arabic Vocabulary Level Test-aVLT*) ditadbir bagi mengukur saiz kosa kata yang dimiliki. Manakala ujian lisan yang menggunakan format (*Simulated Oral Proficiency Interview – SOPI*) ditadbir bagi menentukan tahap penguasaan pertuturan. Responden kajian terdiri daripada tujuh orang peserta yang mengikuti kursus intensif bahasa Arab di Jordan selama dua bulan. Dapatan kajian mendapati bahawa program seumpama ini memberikan impak yang besar dalam pembangunan kosa kata pelajar. Saiz kosa kata peserta berada pada tahap yang mencukupi dan tahap penguasaan bahasa mereka dari aspek pertuturan adalah baik sekaligus menunjukkan impak kursus bahasa Arab jangka pendek luar negara kepada penguasaan kosa kata dan kecekapan bahasa mereka.

Kata kunci: Sosiolinguistik, kursus bahasa luar negara, saiz kosa kata

Pendahuluan

Faktor persekitaran dan sosialisasi merupakan aspek penting dalam pembentukan manusia. Faktor ini mempunyai peranan penting dalam pembangunan manusia. Faktor ini dilihat turut mempunyai pengaruh dan kesan dalam konteks pembelajaran bahasa. Persekitaran bahasa merupakan elemen penting yang mampu meningkatkan prestasi dan kecekapan pelajar dalam pembelajaran bahasa, malah ia membantu memperkenalkan kepada mereka aspek-aspek lain khususnya aspek budaya.

Dalam konteks pembelajaran bahasa kedua/asing, persekitaran bahasa ini boleh diwujudkan dalam dua bentuk buatan dan semulajadi, iaitu mewujudkan persekitaran bahasa kedua/asing di negara ia dipelajari mahupun membawa pelajar bahasa kedua/asing mempelajari bahasa tersebut di negara di mana ia dipertuturkan.

Kedua-dua usaha ini mempunyai cabaran dan kekangan yang tersendiri. Usaha mewujudkan persekitaran buatan (*bi'ah musthana'ah*) sering berhadapan dengan isu keaslian dan jangka hayat persekitaran tersebut, manakala pembelajaran dalam persekitaran bahasa semulajadi sering dibelenggu isu jarak dan kos yang tinggi.

Pembelajaran Bahasa kedua Dari Perspektif Sociolinguistik

Menurut Kamus Dwibahasa (1998), linguistik bererti pengajian ilmu bahasa, David Crystal (1986) pula menyatakan bahawa linguistik merupakan kajian saintifik terhadap bahasa. Ilmu linguistik ialah bidang ilmu mengkaji bahasa.

Ilmu linguistik adalah ilmu yang mengkaji bahasa secara saintifik. Dengan kata lain, ilmu ini mengkaji dan menganalisis sesuatu bahasa secara empirikal dan objektif, tanpa dipengaruhi oleh agak-agakan, ramalan, sentimen atau falsafah. Berdasarkan disiplin ini, kajian bertumpu kepada bagaimana bahasa itu diucap dan dipertuturkan serta bentuk dan sistem ujarannya. Bidang ini juga mengkaji secara formal dan bersifat objektif, bagaimana bunyi-bunyi bahasa itu dihasilkan, sistem fonem, morfem, kata, frasa, dan ayat yang berlainan bentuk dalam konteks penggunaannya (Abdul Hamid Mahmood, 2007).

Sociolinguistik berasal daripada gabungan perkataan sosio dan linguistik. Ia menunjukkan bahawa bidang ilmu ini adalah perpaduan sosiologi dengan linguistik. Ada pula yang menyebutnya sebagai *linguistics plus*. Justeru, sociolinguistik adalah ilmu merentas disiplin yang membincangkan dan menyusun teori-teori tentang perhubungan masyarakat dan bahasa. Maksud istilah masyarakat, dalam ilmu sociolinguistik, adalah mencakupi kajian mengenai pihak-pihak yang terlibat dalam interaksi kelompok besar mahupun kecil, fungsi kelompok, pertembungan antara kelompok, sektor-sektor sosial, perhubungan-perhubungan dan perbezaan-perbezaan dari segi bahasanya. Maksud istilah bahasa pula mencakupi gagasan-gagasan seperti perbezaan kod-kod (iaitu bahasa Melayu, Indonesia, Inggeris, Arab dan lain-lain), ragam regional dari satu kod (seperti bahasa Melayu Malaysia, Singapura, Brunei, Thai Selatan, Kelantan, Kedah dan lain-lain.), ragam kelompok sosial (seperti bahasa golongan bangsawan, kelas tinggi dan rendah), ragam stilistik (rasmi, santai, intim dan sebagainya). Kesemuanya ini diamati dengan memberi perhatian kepada ciri-ciri pola bunyi dan sebutan, kosa kata, ciri-ciri gramatikal atau pada tahap makna semantik.

Sociolinguistik menumpukan kajiannya kepada aspek bahasa dan hubungannya dengan struktur dan sikap masyarakat (Kamus Dewan edisi keempat, 2007). Secara umum,

sosiolinguistik juga melibatkan perancangan bahasa. Tetapi oleh sebab bidang perancangan bahasa ini juga menjadi sangat luas, lebih-lebih lagi di Malaysia, maka kita akan melihatnya sebagai satu bidang yang berasingan (Abdullah Hassan, 1980).

Selanjutnya, manusia menggunakan bahasa sebagai alat perhubungan untuk menyampaikan hasrat, buah fikiran dan perasaan serta mengeratkan hubungan antara satu sama lain dalam kalangan masyarakat. Bahasa digunakan sebagai alat oleh masyarakat untuk berhubung, mengenal orang yang sedang bercakap dengan lebih mendalam.

Bagaimana orang itu bercakap dan apa yang dicakapkan itu akan memberi tanda-tanda dan keterangan-keterangan tertentu tentang dirinya. Bagaimana seseorang itu bercakap, cara ia menyebut perkataan, bunyi-bunyi perkataan, bagaimana ia menyusun frasa dan ayat-ayat tertentu, serta jenis-jenis pebendaharaan kata yang digunakan olehnya akan menunjukkan dari daerah mana dan golongan mana ia berasal dan jenis pendidikan yang diterimanya. Daripada apa yang dicakapkan, seseorang itu dapat menangkap sikap dan pendiriannya, pekerjaannya, dan berbagai-bagai aspek latar belakangnya. Bidang-bidang seperti inilah yang tercakup oleh disiplin Sosiolinguistik.

Dari segi definisi juga terdapat pengkaji yang menggunakan ungkapan sosiologi bahasa untuk merujuk kepada sosiolinguistik. Jika ditinjau, istilah sosiolinguistik itu bermakna disiplin ilmu yang mengkaji sifat dan pertumbuhan masyarakat dan segala aspek kehidupan mereka. Apabila dihubungkan dengan bahasa maka dapatlah dikatakan bahawa sosiologi bahasa merupakan satu bentuk disiplin gabungan yang mengkaji hubungan antara masyarakat dengan bahasa yang digunakan oleh masyarakat tersebut. Jadi, kedua-dua ungkapan, sosiolinguistik dan sosiologi bahasa nampaknya bersinonim atau membawa pengertian yang lebih kurang sama. Walaupun membawa pengertian yang sama, kedua-dua ungkapan ini masih dapat dibezakan berdasarkan dua aspek, iaitu penekanan dan sifat kajian. Pertama kajian sosiologi bahasa memberi penekanan kepada masyarakat manakala sosiolinguistik kepada aspek bahasa. Sosiolinguistik lebih berhubungan dengan kajian-kajian mendalam mengenai penggunaan bahasa sebenarnya. Dell Hymes (1962) menyebut ini sebagai etnografi pertuturan (*the ethnography of speaking*). Beberapa contoh dapat dilihat dalam misalnya, pemerian pola-pola penggunaan bahasa dan dialek dalam budaya tertentu yang menyangkut bentuk-bentuk peristiwa ujaran (*speech events*), pilihan-pilihan yang dilakukan oleh penutur, topik pembicaraan dan seting pembicaraan.

Sosiolinguistik itu ialah bidang yang mengkaji ciri-ciri variasi bahasa, ciri-ciri fungsi variasi ini dan ciri-ciri penutur yang menggunakannya apabila ketiga-tiga unsur ini berinteraksi, berubah dan mengubah satu sama lain dalam sesuatu masyarakat bahasa (Fishman, 1968). Dengan perkataan lain, sosiolinguistik merupakan kajian yang menumpukan perhatian terhadap bahasa dalam konteks sosial dan kebudayaan. Fishman (1968 dalam Suwito 1985) mendefinisikan sosiolinguistik dengan sebutan sosiologi bahasa. Kajian bahasa sebagai gejala sosial yang mempengaruhi pemakaian bahasa dengan faktor sosial, seperti status sosial, tingkat pendidikan, umur, jenis kelamin, tingkat ekonomi dan faktor situasi, iaitu siapa berbicara, dengan bahasa apa, kepada siapa, bila, di mana, dan mengenai masalah apa atau dirumuskan secara singkat dengan *who speak, what language, to whom, and when*. Secara eksplisit Fishman mendefinisikan sosiolinguistik sebagai pembelajaran tentang karakteristik variasi bahasa, karakteristik fungsi bahasa, dan karakteristik pemakaian bahasa yang terjalin dalam interaksi, sehingga menyebabkan perubahan-perubahan antara ketiganya di dalam masyarakat tuturnya.

Menurut Wolfram dan Fasold (1974, xiii-xiv), jenis kajian yang termasuk bawah kajian sociolinguistik merangkumi spektrum topik yang agak luas dan topik-topik tersebut dapat dikelompokkan kepada empat kelompok utama, iaitu interaksi faktor- faktor sosial dengan bahasa atau dialek dalam skala besar, penggunaan sebenar bahasa, bahasa dalam konteks sosialnya, dan penerapan pengetahuan linguistik kepada masalah sosial.

Downes (1998) juga bersetuju dengan Wolfram dan Fasold (1974) apabila beliau mendefinisikan sociolinguistik sebagai cabang linguistik yang memerlukan rujukan kepada faktor sosial, termasuk faktor konteks, sewaktu mencari ciri-ciri bahasa (atau bahasa). Menurut Downes (1998) lagi, kajian yang dimaksudkan dapat dibahagikan kepada kepada dua jenis. Pertama, kajian yang dianggap sebagai sociolinguistik bebas, iaitu kajian yang melibatkan huraian terhadap corak sosial variasi dan perubahannya dalam skala yang besar. Penelitian melibatkan percubaan mengaitkan variasi bahasa dengan kategori sosial seperti kelas, jantina, geografi, kehormatan dan sebagainya, dalam konteks perubahan sejarah. Kajian berskala besar sebegini kadang-kadang disebut sociolinguistik kolerasi, kajian variasi, dialektologi perbandaran moden atau sociolinguistik tulen. Kedua, huraian sosial bahasa boleh dilakukan menerusi situasi pertuturan berskala kecil. Huraian sosial sebegini kadangkala disebut pragmatik, analisis perbualan, etnografi komunikasi, analisis wacana, semiotik sosial atau linguistik kritis.

Secara kesimpulannya, dapatlah dikatakan bahawa, ilmu sociolinguistik adalah kajian terhadap bahasa yang digunakan oleh sesuatu masyarakat. Batasan kajian ilmu sociolinguistik adalah terhadap bahasa yang boleh digunakan dalam interaksi. Jika bahasa yang digunakan tidak boleh difahami oleh satu pihak yang dibawa berbual, itu adalah diluar bidang kajian sociolinguistik tetapi termasuk dalam bidang semantik dan pragmatik yang bertumpu kepada kajian makna.

Pengaruh Persekitaran Dalam Pembelajaran Bahasa Kedua

Pengaruh persekitaran linguistik mempunyai peranan yang besar dalam penguasaan bahasa kedua pelajar. Pembelajaran bahasa kedua menerusi pendekatan sosiolinguistik menjelaskan bahawa pemerolehan dan penggunaan berlaku dalam konteks sosial (Young, 1999). Pendekatan sosiolinguistik dalam pembelajaran bahasa kedua berpaksikan pengaruh sosial dan politik dalam sesebuah masyarakat, variasi penggunaan bahasa mengikut kelas sosial penutur, tempat dan situasi, interaksi semuka menggunakan bahasa tersebut dan interaksi bahasa dengan budaya (McKay & Hornberger, 1996 dalam Young, 1999).

Berdasarkan kenyataan ini, jelaslah bahawa pembelajaran bahasa kedua dari perspektif sosiolinguistik perlu memanfaatkan faktor persekitaran. Pembelajaran bahasa perlu dikaitkan dengan persekitaran yang sesuai (bi'ah lughawiyah) kerana perkembangan bahasa di pengaruhi oleh beberapa aspek seperti individu, kebudayaan, hubungan sosial dan sebagainya (Zakaria, 1991 dalam Ab. Halim 2009). Justeru , alternatif yang dilihat wajar dalam usaha menghubungkan pembelajaran bahasa dengan aspek sosial adalah keberadaan pelajar di negara di mana ia dipertuturkan. Pendekatan ini berupaya meningkatkan kemahiran pelajar khususnya dalam usaha mengaitkan pembelajaran bahasa dengan kegunaan masa hadapan (Azman Che Mat, 2010).

Pembelajaran Bahasa Kedua Menerusi Keberadaan Di Negara Bahasa Sasaran Diturunkan

Pengalaman mempelajari bahasa kedua di negara asalnya merupakan satu lagi faktor penting yang mampu meramal kejayaan dan penguasaan pelajar dalam pembelajaran bahasa terbabit (Coleman, 1997). Pengalaman ini bukan sahaja dapat mengurangkan kebimbangan dan kerisauan, malah ia berperanan dalam menentukan purata masa yang diperlukan untuk pembelajarannya di luar darjah (Nakayama et. al, 2012).

Pengalaman belajar bahasa di luar negara dilaporkan mampu membantu pelajar untuk membina keupayaan diri, interaksi sosial dan kefahaman terhadap budaya termasuklah kemahiran berbahasa itu sendiri. Ia mempunyai impak yang sangat positif terhadap aspek sosial dan komunikasi walaupun kadangkala tidak begitu menekankan aspek tatabahasa (Coleman, 1997).

Beberapa kajian yang dijalankan mendapati bahawa pengalaman belajar di luar negara mempunyai kelebihan berbanding pelajar yang tidak melalui pengalaman tersebut (Coleman, 1997). Kelebihan berbentuk pengalaman ini dapat dilihat menerusi beberapa aspek seperti kefasihan (Towell, 1994,1995) dalam Coleman (1997), kadar kelajuan pertuturan dan kekurangan hentian serta pengulangan (Laudet, 1993) dalam Coleman (1997), kemampuan menghampiri pertuturan penutur jati termasuk dialek (Eiseinstien, 1982) dalam Coleman (1997) dan kefahaman terhadap budaya komuniti (Brown, 2000). Menurut Lafford (2006) dan Lafford & Collentine (t.t), pelajar yang mempunyai pengalaman belajar di luar negara memiliki keupayaan dalam komunikasi, memahami aspek sosial, psikologi, budaya serta aspek-aspek linguistik dengan lebih baik dan ini mampu memandu mereka ke arah penggunaan bahasa dengan lebih tepat dan sempurna.

Beberapa kajian lain yang dijalankan juga menunjukkan pengalaman berada di negara di mana bahasa sasaran dipertuturkan, memberi kesan kepada kecekapan bahasa terutama aspek

kosa kata (Milton & Meara, 1995). Milton dan Meara (1995) dalam Coleman (1997) mendapati wujudnya hubungan antara pengalaman belajar bahasa di luar negara dengan kecekapan bahasa secara umum. Manakala Lafford (2006) mendapat pengalaman ini memberikan kelebihan kepada pelajar dari aspek sebutan, keupayaan bertutur, kefasihan, tatabahasa termasuk aspek leksikal. Ife, Vives, Boix dan Meara (2000) dalam Lafford dan Collentine (t.t) mendapati pelajar di peringkat pertengahan dan lanjutan yang mengikuti program pembelajaran bahasa kedua dalam persekitaran sebenar selama dua semester memiliki kosa kata yang lebih besar berbanding kumpulan yang mengikutinya selama satu semester. Dapatan ini juga mengandaikan bahawa perkembangan kosa kata bagi kelompok yang pernah belajar bahasa di negara di mana ia dituturkan memiliki keupayaan lebih baik daripada kelompok yang tidak mempunyai pengalaman sedemikian.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang dijalankan bagi meninjau pandangan responden terhadap kursus intensif bahasa Arab luar negara yang mereka sertai. Satu set soalan temubual berstruktur dibangunkan sebelum kajian dijalankan untuk mengumpul maklumat bersifat kualitatif. Selain dari itu, responden kajian turut diuji penguasaan kosa kata mereka menerusi ujian saiz kosa kata (*Arabic Vocabulary Level Test-aVLT*) dan kecekapan bahasa mereka melalui soalan lisan. Ujian aVLT menggunakan peratusan bagi mendapatkan saiz kosa kata yang dimiliki pelajar manakala ujian lisan menggunakan rubrik khusus diadaptasi dari Garis Panduan Kecekapan Lisan ACTFL (*American Council on the Teaching Foreign Language*) dan ILR (*Interagency Language Roundtable*) (Chatham, 2004).

Dapatan dan Perbincangan

Saiz Kosa kata Peserta Kursus

Kursus ini disertai oleh tujuh orang pelajar ijazah sarjana muda dari pelbagai bidang. Berdasarkan ujian penguasaan kosa kata yang ditadbir kepada pelajar-pelajar terbabit, saiz kosa kata pelajar yang menyertai kursus bahasa luar negara adalah 1952 patah perkataan secara purata. Secara umumnya, saiz kosa kata yang dimiliki oleh peserta kursus ini tidak melepasi tahap minimum kosa kata yang perlu dikuasai oleh pelajar seperti yang disarankan oleh ramai pengkaji.

Namun penelitian terhadap saiz kosa kata peserta kursus secara individu menjelaskan bahawa lima daripada tujuh peserta telah melepasi tahap minimum 2000 patah perkataan yang diperlukan dalam penguasaan bahasa seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 1.1: Penguasaan kata Peserta Mengikut Tahap

No.	ID Peserta	Tahap 1k	Tahap 2k	Tahap 3k	Jumlah kata keseluruhan
1	A1	18 (1000)	14 (777)	11 (611)	2400
2	A2	9 (500)	7 (388)	4 (222)	1100
3	A3	17 (1000)	10 (556)	8 (444)	2000
4	A4	16 (1000)	12 (666)	10 (556)	2222
5	A5	14 (777)	12(666)	11 (556)	2055
6	A6	14 (777)	11(611)	9 (500)	1888
7	A7	15 (833)	11(611)	10 (556)	2000

Jadual 1.1 menunjukkan bahawa lima dari tujuh peserta kursus menguasai lebih 2000 patah perkataan. Data ini juga menjelaskan bahawa peserta A1, A3, A4, A5 menguasai 2000 kata dari pelbagai tahap. Ini menunjukkan penguasaan kosa kata yang rendah namun memadai untuk penguasaan seterusnya. Kelompok ini diramal mampu berhadapan dengan situasi-situasi bahasa dengan sempurna.

Tahap penguasaan bahasa dalam aspek pertuturan

Bagi menentukan tahap penguasaan bahasa peserta kursus, ujian lisan dijalankan. Peserta dikemukakan dengan dua soalan bahasa Arab berkaitan diri dan pengalaman mempelajari bahasa Arab. Rubrik digunakan bagi menentukan tahap penguasaan bahasa mereka.

Berdasarkan data yang diperolehi, dapatan menunjukkan bahawa keupayaan peserta bertutur dalam bahasa Arab adalah baik. Peserta kursus didapati mampu memperkenalkan diri mereka dengan baik dan perkataan-perkataan yang digunakan juga sesuai.

Jadual 2.1: Penguasaan Kemahiran Bertutur Peserta Kursus

Bil.	ID Peserta	Kemahiran bertutur
1	A1	baik
2	A2	lemah
3	A3	sedehana
4	A4	sedehana
5	A5	baik
6	A6	baik
7	A7	baik

Kesan Program Dalam Meningkatkan Saiz Kosa Kata Dan Kecekapan Bertutur Peserta

Bagi menilai tahap kesan program, data temubual peserta dianalisis. Secara umumnya, kursus bahasa Arab luar negara didapati memberi kesan secara tidak langsung dalam diri peserta yang boleh dilihat dari beberapa aspek:

i. Interaksi Sosial

Kemahiran merupakan aspek penting yang perlu dikuasai dalam pembelajaran bahasa. Kemahiran menuntut latihan dan praktis agar ia dapat dimanfaatkan dalam aktiviti bahasa yang dilalui. Ke semua responden yang terlibat dengan kajian ini berpandangan bahawa penyertaan mereka dalam kursus bahasa luar negara ini mendedahkan mereka kepada interaksi sosial secara holistik samada dalam darjah mahupun di luar waktu kursus. Mereka berpendapat bahawa pemerolehan bahasa berlaku sepanjang tempoh keberadaan mereka. Aktiviti harian ke pasar dan kedai runcit, bacaan papan tanda isyarat, aktiviti beli belah, lawatan sambil belajar serta beberapa aktiviti luar darjah yang lain merupakan input penting dalam pemerolehan bahasa yang dapat dimanfaatkan.

ii. Lintas Budaya

Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia pada kebiasaannya tidak begitu teradun dengan budaya. Kewujudan elemen-elemen budaya Arab dalam lembaran silibus bahasa Arab sememangnya terhad. Justeru, penyertaan kursus bahasa Arab dan keberadaan di negara ia dipertuturkan mampu memberikan pendedahan kepada peserta tentang aspek ini.

Penyertaan peserta dalam kursus bahasa luar negara bukan sahaja mendedahkan peserta kepada aspek bahasa, malah ia turut mendedahkan mereka kepada aspek budaya. Adat dan budaya penutur jati dapat ditelusuri secara khusus yang sebahagian besarnya mempunyai hubungan dan kaitan dengan aspek bahasa. Peserta bukan sahaja terdedah dengan cara berpakaian, makan, minum dan aspek-aspek budaya yang lain malah yang paling penting adalah aspek bahasa yang berkaitan dengan konteks.

Peserta berpandangan bahawa program seumpama ini mendedahkan mereka kepada budaya masyarakat setempat (ID A2), cara pergaulan, menerusi aktiviti luar darjah dan ziarah ke rumah-rumah jiran dan guru-guru yang terdiri daripada masyarakat setempat (ID A1).

iii. Motivasi

Motivasi merupakan dorongan kehendak yang memandu seseorang melakukan sesuatu untuk mencapai sesuatu matlamat. Dalam konteks pembelajaran bahasa kedua, motivasi dilihat sebagai usaha yang dilakukan oleh pelajar berpandukan keperluan dan keinginannya untuk menguasai bahasa tersebut (Ellis, 1994). Motivasi merupakan elemen penting yang berjaya

disuburkan dalam diri peserta kursus. Responden yang menyertai kursus bahasa luar negara ini bersemangat mempraktikkan penggunaan bahasa Arab selepas pulang (ID A3), ingin kembali ke sana (ID A2) dan begitu juga berhasrat menyambung pengajian bahasa Arab di peringkat seterusnya di Jordan (ID A1).

Motivasi dikenalpasti mempunyai hubungan dengan saiz kosa kata pelajar dan seterusnya mampu meningkatkan penguasaan bahasa mereka (Abdul Razif, 2015). Dalam konteks kajian ini, responden yang terlibat memiliki saiz kosa kata mencukupi dan berdasarkan teori, mereka diramalkan mampu berhadapan dengan situasi-situasi bahasa yang dilalui dengan baik. Ujian lisan yang dijalankan ke atas responden juga menunjukkan bahawa mereka mampu mengekspresi bahasa dengan baik.

Motivasi ini mampu memandu pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab dan seterusnya berkeupayaan memperluaskan saiz kosa kata mereka. Walaupun tidak dapat dipastikan saiz kosa kata yang dimiliki responden sebelum menyertai kursus, namun penyertaan mereka secara sukarela dengan pembiayaan sendiri menggambarkan tahap motivasi mereka berada pada tahap yang tertinggi. Dengan itu, penguasaan kata berlaku dengan sempurna seterusnya memberi kesan kepada pemerolehan bahasa Arab. Motivasi dan kecenderungan yang positif terhadap pembelajaran bahasa Arab dan perluasan SKK mampu dipupuk dan disuburkan menerusi program seumpama ini namun ia juga perlu diiringi dengan pelan dan strategi yang baik dalam usaha membangunkan saiz kosa kata mereka seterusnya memantapkan aspek penguasaan bahasa secara keseluruhannya .

iv. Tempoh

Saiz kosa kata pelajar dan penguasaan bahasa berkorelasi secara signifikan dengan tempoh belajar bahasa Arab. Manakala dalam konteks di Malaysia tempoh pembelajaran bahasa sebenarnya berkait rapat dengan faktor latar belakang dan pengalaman pendidikan seperti jenis sekolah di peringkat menengah, sijil lepas menengah diduduki dan keberadaan di negara Arab (Abdul Razif, 2015).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa hubungan di antara saiz kata dengan tempoh belajar pelajar adalah signifikan dan positif . Ia memberikan petunjuk bahawa semakin lama tempoh pembelajaran bahasa Arab maka semakin besar saiz kata bahasa Arab pelajar. Keberadaan peserta dalam kursus bahasa Arab luar negara mampu meningkatkan tempoh pembelajaran mereka ke tahap yang maksima.

Responden kajian menyatakan bahawa aktiviti pembelajaran dan pemerolehan bahasa Arab berlangsung secara berterusan sepanjang tempoh keberadaan mereka. Walau tempoh pembelajaran rasmi terhad kepada 3 hingga 5 jam sehari, namun aktiviti-aktiviti luar darjah membolehkan proses pembelajaran berlaku secara aktif. Pembelajaran dan interaksi bahasa berlaku sewaktu urusan jual beli dan tawar menawar di kedai/pasar, menaiki kenderaan, urusan pejabat, interaksi dengan tuan rumah, guru, penyelia program dan sebagainya. Hitungan secara kasar menunjukkan bahawa peserta kursus terdedah kepada bahasa Arab sekitar 12 jam sehari dan menjadikan tempoh pembelajaran bahasa secara formal dan tidak formal sepanjang keberadaan mereka di negara Arab menjangkau 960 jam. Jumlah ini dikatakan telah menyempurnakan separuh daripada tempoh pembelajaran bahasa Arab yang dicadangkan oleh *Foreign Service Institute (FSI), Amerika* iaitu sebanyak 2200 jam pertemuan.

v. **Pengalaman**

Pengalaman merupakan aset individu yang sukar ditukar ganti. Ke semua peserta yang menyertai kursus ini menyatakan bahawa program seumpama ini sangat baik dan memberikan pengalaman yang berharga kepada mereka dalam segenap aspek, terutama aspek pertuturan.

Pengalaman interaksi dengan penduduk tempatan dalam pelbagai situasi (di pasar, pasaraya, pengangkutan awam, pejabat kolej, tenaga pengajar, masjid dan beberapa tempat lain) mendedahkan peserta kepada pelbagai bentuk ujaran dan komunikasi. Dapatan menarik yang ditemui menyatakan bahawa pengalaman bergaduh dalam bahasa Arab merupakan situasi yang tidak mungkin diperolehi dalam situasi pembelajaran bahasa Arab di tanahair.

Keterpaksaan merupakan satu lagi pengalaman yang sangat berguna kepada peserta. Dalam temubual yang dijalankan, semua responden menjelaskan bahawa keterpaksaan dalam komunikasi sewaktu menyempurnakan hajat dan keperluan merupakan faktor penting yang dalam komunikasi. Responden ID A3 menjelaskan bahawa aspek inilah yang mendorong beliau berkomunikasi dengan baik dan ia hampir tidak ditemui dalam situasi pembelajaran di tanahair.

Kesimpulan

Walau pun agak sukar untuk dibuat generalisasi kepada kesan pengalaman pembelajaran bahasa kedua/asing kepada semua peserta, namun kajian semasa menunjukkan program seumpama ini memberi manfaat dan faedah kepada penguasaan bahasa pelajar (Freed, 1995). Keberadaan pelajar di negara di mana bahasa Arab itu dipertuturkan merupakan aspek yang sangat penting untuk diberikan perhatian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keberadaan pelajar di negara Arab mempunyai hubungan yang signifikan dengan saiz kata mereka. Ia juga menjelaskan bahawa pelajar yang pernah berada di negara Arab mempunyai saiz kata yang tinggi sekaligus memberi kesan kepada kemahiran berbahasa pelajar.

Keberadaan ini bukan sahaja memberi kesan kepada pengayaan kosa kata pelajar, malah ia mendedahkan mereka kepada segenap aspek pembelajaran bahasa, penggunaan serta pengalaman antaranya aspek budaya, dan penggunaan bahasa terbabit secara optimum. Ia turut membekalkan kepada pelajar tempoh pendedahan terhadap bahasa Arab dalam kuantiti yang lebih besar selain mengukuhkan tahap motivasi mereka untuk menguasai bahasa tersebut. Antara manfaat dan faedah penyertaan pelajar dalam program bahasa luar negara yang perlu diberikan tumpuan pada kajian-kajian akan datang adalah (i) peluang interaksi dengan teks-teks arab yang diperolehi dan ditemui sepanjang tempoh keberadaan mereka di negara terbabit, (ii) peluang interaksi di luar waktu kelas dengan penutur jati yang membantu penguasaan bahasa kedua, (iii) peluang interaksi dengan beberapa aspek penggunaan bahasa yang sukar dipelajari secara formal dan (iv) peluang berada di luar negara yang memberikan pendedahan luas terhadap aspek bahasa berbanding pembelajaran formal di tanahair.

Rujukan

- Abdul Hamid Mahmood, (2007). Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu: Cabaran dan Harapan. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdullah Hassan, (1980), Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Abdul Razif Zaini., (2015). Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu Di Peringkat Kolej Universiti. (Disertasi). Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Ab. Halim (2009). Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia, *Journal of Arabic and Islamic Education* 1 (1) 2009. 1-14.
- Azman Che Mat. (2010). Situasi Pembelajaran Bahasa Asing di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan Antara Bahasa Arab, Mandarin dan Bahasa Perancis. *AJTLHE* Vol. 2, No. 2, July 2010, 9-20. Dipetik dari www.ejournal.ukm.my/ajtlhe/article/view/10494/3749 (15/07/2017)
- Brown, H. Douglas. (2000). *Principles of Language Learning and Teaching*, 4th Edition, New York: Addison Wesley Longman Inc.
- Coleman, J.A., (1997). Residence Abroad Within Language Study, *Language Teaching*, 30, 1: 1-20. Dipetik dari <http://ugr.es/~temcu/Recursos/Articulos%20interes/J%20Coleman/Residence%20Abroad%20within%20Language%20studies.pdf> (21/04/2014)
- Crystal, D. (1986). Prosodic development. *Language acquisition*, 2.
- Dawnes, William. (1998). *Language and Society*. Cambridge University Press.
- Ellis, Rod (1994). *The Study of Second Language Acquisition*, Oxford: Oxford University Press.
- Freed, Barbara. F., (1995). *Second Language Acquisition in a Study Abroad Context*, John Benjamin Publishing, Amsterdam/Philadelphia.
- Lafford, Barbara. A. (2006). The Effects of Study Abroad vs. Classroom Context on Spanish: Old Assumptions, New Insight and Future Research Direction. In *Selected Proceedings of the 7th Conference on the Acquisition of Spanish and Portuguese as First and Second Languages*, ed. Carol A. Klee and Timothy L. Face, 1-25. Somerville, MA: Cascadilla Proceedings Project.
- Nakayama, Akira. Heffernan, Neil. Matsumoto Hiroyuki. & Hiromori, Tomohito. (2012). The Influence of Goal Orientation, Past Language Studies, Overseas Experiences and Gender Differences on Japanese EFL Learners, Beliefs, Anxiety and Behaviors,

Apples-Journal of Applied Language Studies, Vol 6, 2 (2012), hal 19-39 Centre for Applied Language Studies, dipetik dari <http://www.apples.jyu.fi/Articlefile/download/258>, (02/09/ 2013).

Nik Safiah Karim dan Wan Malini Ahmad, 2006. Bahasa Melayu STPM; Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Wolfram, W, & Fasold, R, W. (1974). The Study of Soscial Dialects in America English. Prentice Hall.

Young, R. (1999). Sociolinguistic Approaches to SLA. Annual Review of Applied Linguistics 19, 105-132. Cambridge University Press. Dipetik dari <http://doi.org.10.1017/S0267190599190068> (15 /07/2017).